

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk dilindungi di bawah pelan insurans berkumpulan, yang dikenali sebagai “BIMA Life”. Sila pastikan juga membaca terma-terma dan syarat-syarat umum.)

**Penanggung Insurans** : Allianz Life Insurance Malaysia Berhad  
**Polisi** : BIMA Life  
**Pemegang Polisi Induk** : Milvik Malaysia Sdn Bhd (BIMA)  
**Orang yang Diinsuranskan** : Orang yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini.

### 1) Produk ini berkenaan apa?

Ini adalah produk insurans bulanan yang menawarkan perlindungan insurans apabila kematian. Ia membayar suatu jumlah keseluruhan jika Orang yang Diinsuranskan meninggal semasa tempoh polisi ini. Langganan akan diperbaharui secara automatik.

Polisi ini tersedia untuk pelanggan Celcom yang berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan tidak melebihi lima puluh (50) tahun (berdasarkan umur harijadi terdekat).

Produk ini diunderait oleh Allianz Life Insurance Malaysia Bhd (104248-X) (dilesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia). Allianz Life Insurance Malaysia Bhd telah melantik BIMA sebagai ejen tunggal untuk mentadbir produk ini, termasuk langganan, pembatalan, pengurusan tuntutan dan perkhidmatan pelanggan.

### 2) Apakah pelan/manfaat yang boleh didapati dan berapa yang saya perlu bayar?

Terdapat 4 pelan, seperti berikut. Premium yang anda perlu bayar bergantung kepada pelan yang anda pilih.

Manfaat	BIMA 5	BIMA 10	BIMA 15	BIMA 25
<b>Manfaat Kematian</b>	RM20,000	RM40,000	RM60,000	RM100,000
<b>Premium Bulanan (tidak termasuk cukai perkhidmatan)</b>	RM5.00	RM10.00	RM15.00	RM25.00
<b>Premium Bulanan (termasuk cukai perkhidmatan*)</b>	RM5.30	RM10.60	RM15.90	RM26.50

\* termasuk 6% cukai perkhidmatan

Jadual di atas menunjukkan manfaat yang dibayar sekiranya premium penuh dibayar. Jika hanya sebahagian daripada premium dibayar dalam sebulan, manfaat bagi bulan berikutnya akan berkadar dengan bahagian premium yang dibayar.

Contoh – bayaran premium separa.

Anda mempunyai BIMA 5, anda ditolak RM2.50 + cukai (50% daripada premium). Ini akan memberi anda perlindungan insurans sebanyak RM10,000 (50% daripada manfaat kematian) pada bulan berikutnya.

Premium anda tidak dijamin, dan kami berhak untuk menyemak semula premium. Kami akan memberitahu anda apa-apa perubahan kepada premium dengan memberikan notis anda sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari.

### 3) Bagaimanakah pembayaran dikumpulkan?

Bagi pelanggan pascabayar, bayaran akan dikumpulkan setiap bulan dan dicerminkan pada bil pascabayar bulanan anda.

Untuk pelanggan prabayar, bayaran akan ditolak dari baki prabayar anda mengikut pelan pilihan anda pada masa pendaftaran. Anda boleh memilih pembayaran secara harian, mingguan atau bulanan, dan jumlah potongan setiap bulan adalah seperti berikut:

	Harian	Mingguan	Bulanan
<b>Jumlah potongan setiap bulan</b>	20	4	1

**4) Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Komisen yang dibayar kepada perantara yang dicaj kepada Premium anda ialah empat puluh sembilan peratus (49%).

**5) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?**

- **Pengisytiharan Penting** - Anda mesti menyatakan semua fakta penting seperti yang diperlukan semasa pendaftaran.
- **Kelayakan** - Polisi ini tersedia untuk pelanggan Celcom yang aktif dan berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan tidak melebihi lima puluh (50) tahun (berdasarkan hari lahir terdekat).
- **Permulaan perlindungan insurans** - Perlindungan insurans bulanan anda bermula dari hari pertama bulan yang berikutnya selepas anda membayar premium anda.
- **Pengisytiharan kesihatan** - Anda akan diminta untuk menyempurnakan pengisytiharan kesihatan yang mudah pada masa pendaftaran.
- **Tempoh Percubaan** – Anda berhak membatalkan perlindungan insurans anda dengan menyerahkan Sijil Insurans tersebut kepada BIMA dalam tempoh lima-belas (15) hari atau dalam tempoh lebih lama sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Bank Negara Malaysia, dari tarikh penerimaan polisi ini oleh anda. Premium yang telah dibayar akan dipulangkan kepada anda.
- **Pengecualian** - Tidak berkenaan.

**Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap di bawah Pelan ini.**

**6) Bilakah polisi saya akan bermula?**

Perlindungan insurans bulanan anda bermula dari hari pertama bulan berikutnya selepas anda mendaftar dan membayar langganan anda. Bayaran setiap bulan akan menghasilkan perlindungan insurans untuk bulan berikutnya.

Contohnya, jika anda berdaftar pada 10 Januari dan pembayaran pertama anda dibuat pada 11 Januari, perlindungan insurans anda akan bermula pada 1 Februari. Bayaran pada bulan Februari akan memberi anda perlindungan insurans untuk bulan Mac.

**7) Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan menghubungi BIMA di 03 20225555, melalui teks SMS (hantar OFF ke 29999) atau melalui menu Celcom USSD (365\*7\*8#) dan mengesahkan bahawa anda ingin membatalkannya. Sebaik sahaja pembatalan dimulakan, kutipan pembayaran akan berhenti serta-merta dan perlindungan akan dikira berdasarkan pro-rata untuk bulan depan.

Tiada nilai penyerahan wang tunai selepas pembatalan polisi ini. Sekiranya anda membatalkan polisi anda selepas tempoh percubaan (soalan 5), anda tidak akan menerima bayaran balik harga yang dibayar.

**8) Apakah perlu saya buat sekiranya maklumat perhubungan saya telah bertukar?**

Adalah penting bagi anda menghubungi BIMA untuk mengemaskini maklumat perhubungan terbaru anda termasuk alamat rumah anda dan alamat rumah penama dan/atau pemegang amanah anda, sekiranya ada, bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda atau penama dan/atau pemegang amanah anda pada masa yang tepat. Anda boleh menghubungi BIMA melalui saluran yang disenaraikan dalam soalan 11.

**9) Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan?**

Anda harus memberitahu BIMA secepat mungkin dengan menghubungi BIMA melalui saluran yang disenaraikan dalam soalan 11.

Tuntutan itu hendaklah dikemukakan kepada BIMA bersama dengan dokumen sokongan dalam masa seratus lapan puluh (180) hari dari kematian Orang yang Diinsuranskan. Dokumen sokongan yang diperlukan termasuk kad pengenalan atau pasport penama dan sijil kematian Orang yang Diinsuranskan. Dokumen sokongan boleh dikemukakan melalui saluran digital.

**10) Perlukah saya melantik seorang penama?**

Anda dinasihatkan untuk melantik sekurang-kurangnya seorang penama dan pastikan penama tersebut dimaklumkan akan lantikan tersebut bagi memudahkan pembayaran wang polisi yang akan dibayar atas kematian Orang Diinsuranskan. Kegagalan untuk membuat penamaan boleh melambatkan pembayaran wang polisi tersebut. Penama boleh dilantik dengan memberikan maklumat yang diperlukan kepada BIMA.

Sila rujuk Polisi yang terdapat di [www.bima.com.my](http://www.bima.com.my) untuk mendapatkan maklumat tentang cara mencalonkan seorang penerima dan siapa yang layak untuk menuntut jika tiada penerima yang dicalonkan.

**11) Di manakah saya boleh memperoleh maklumat lanjut?**

Sila rujuk laman web BIMA di [www.bima.com.my](http://www.bima.com.my). Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi BIMA di:

Hotline & WhatsApp : 03-20225555  
Laman web : [www.bima.com.my](http://www.bima.com.my)  
Emel : [info@bima.com.my](mailto:info@bima.com.my)  
Facebook Messenger : [www.facebook.com/BIMA.Msia/](https://www.facebook.com/BIMA.Msia/)

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan, sila rujuk kepada buku insurans yang boleh didapati di semua cawangan kami atau melayari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

**NOTIS PENTING:**

**ANDA MESTI MEMILIH JENIS PELAN YANG SESUAI DENGAN KEADAAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Notis penting lain:

1. Anda harus memastikan bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan premium yang dibayar untuk polisi ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.
2. Anda dinasihatkan untuk mencalonkan seorang penama untuk polisi anda dan memastikan penama menyedari polisi yang anda beli. Kegagalan untuk membuat penamaan akan menangguhkan pembayaran wang polisi kepada pewaris anda.
3. Perlindungan insurans hanya akan berkuatkuasa dari hari pertama bulan berikutnya selepas anda mendaftar untuk Polisi dan membayar sebahagian daripada premium.
4. Lembaran Pendedahan Produk ini bukan satu Kontrak Insurans. Penerangan bagi perlindungan yang diliputi hanyalah ringkasan untuk rujukan cepat dan mudah. Terma dan syarat tepat yang terpakai dinyatakan di dalam kontrak Polisi.
5. Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang dikenakan. Semua peruntukan dalam Polisi ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunapakai dengan Cukai Berkenaan.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah pada Tarikh Terbitan Polisi ini.